



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

### PROSEDUR OPERASI STANDARD UNTUK PENGANGKUTAN AWAM SEPANJANG TEMPOH PKPB DI KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA, SELANGOR DAN SABAH

Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 12 Oktober 2020 telah membuat keputusan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Sabah selama 14 hari mulai 14 Oktober 2020 hingga 27 Oktober 2020.

Sehubungan itu, mesyuarat MKN yang bersidang hari ini telah memperincikan mengenai prosedur operasi standard (SOP) termasuk berkaitan perkhidmatan pengangkutan awam sepanjang tempoh PKPB bagi kawasan-kawasan yang berkenaan.

Prinsip SOP PKPB kali ini ialah semua aktiviti perniagaan, ekonomi dan industri dibenarkan beroperasi tanpa sekatan tertakhluk kepada SOP normal baharu sedia ada.

Semua perkhidmatan pengangkutan awam darat (termasuk bas, bas henti-henti, teksi, e-hailing), udara dan laut (kecuali kapal cruise/peranginan) dibenarkan beroperasi seperti biasa namun perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh MKN.

Bagi pengguna perkhidmatan pengangkutan awam yang perlu merentas daerah atau negeri adalah dinasihatkan supaya mendapatkan kebenaran Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau surat kebenaran daripada majikan sebelum memulakan perjalanan rentas negeri tersebut.

Ini bertujuan memastikan setiap pengguna pengangkutan awam hanya merentas daerah atau negeri bagi keperluan penting sahaja termasuk bagi kes kecemasan dan lain-lain perkara sebagaimana termaktub di dalam SOP berkaitan perjalanan yang dibenarkan.

Sebagaimana kenyataan Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hari ini, orang-orang yang berisiko tinggi dan kanak-kanak tidak digalakkan keluar ke kawasan awam, terbuka dan sesak. Bagi pekerja dari dalam daerah yang sama, mereka tidak perlu mengemukakan surat majikan atau pas pekerja.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

Bagi mereka yang perlu melalui negeri Selangor dan Kuala Lumpur ke negeri-negeri lain, mereka dinasihatkan untuk mendapatkan kebenaran daripada balai polis berhampiran sebelum membuat perjalanan. Ini termasuk individu yang menggunakan pergerakan udara melalui KLIA, KLIA2 dan Subang.

Selain perlu mematuhi SOP, orang ramai juga dinasihatkan agar sentiasa menjaga kesihatan diri seperti kerap mencuci tangan menggunakan air dengan sabun atau 'hand sanitizer', sentiasa memakai pelitup muka ketika di dalam pengangkutan awam, stesen perhentian dan terminal serta mengamalkan penjarakkan fizikal selagi boleh. Melawan COVID-19 adalah tanggungjawab bersama.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## **STANDARD OPERATING PROCEDURE FOR PUBLIC TRANSPORT THROUGHOUT CMCO PERIOD FOR KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA, SELANGOR & SABAH**

The National Security Council (MKN) special meeting on 12 October 2020 had decided to implement Conditional Movement Control Order (CMCO) in Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor and Sabah for 14 days, from 14 to 27 October 2020.

With regard to that, the MKN meeting today had finalised the relevant standard operating procedures (SOP), including those related to public transport services throughout the CMCO for these areas.

The principle of a CMCO this time round is to allow all economic and industrial activities to operate as usual subject to the existing SOP.

All land (including buses, city buses, taxi and e-hailing services), air and sea (except for cruise ships/ holiday cruise ships) public transportation services are allowed to operate as usual provided they strictly comply with the, SOP set by the MKN.

Public transportation service users who need to travel inter-district or interstate are advised to obtain police permission or a letter from their employers before embarking on their journey.

This is to ensure that public transport users travel inter-district or interstate only for essential purposes, including for emergencies and other reasons allowed in the SOP.

According to the statement by Senior Minister (Security) Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, individuals from high-risk groups and children are not encouraged to go to any public and crowded places. Workers who commute within the same district as their residence are not required to show their staff pass or any letter from their employers.

Those who wish to travel from Selangor and Kuala Lumpur to other states are advised to get permission from the nearest police station before their journeys. This includes air travellers via KLIA, KLIA2 and Sultan Abdul Aziz Shah Airport.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

Besides complying with the SOP, I urge the public to always practise good personal hygiene by frequently washing their hands with soap and water or using hand sanitizer. Always remember to wear face masks and practise physical distancing whenever possible when travelling on public transport or using the stations and terminals. The battle against Covid-19 is our shared responsibility.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG**  
**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**13 OKTOBER 2020**

**-TAMAT-**

---

**Tentang MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

**Pertanyaan Media**

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**  
**Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)  
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [sua@mot.gov.my](mailto:sua@mot.gov.my)  
[unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)

